

C: ATY

## SYARIKAT KOPERASI KREDIT DI KEDAH

1952 - 1963

OLEH

POR BENG KEONG

Satu kajian untuk memenuhi syarat pengkhususan sejarah (HSM 411 - Dokumen - Dokumen Dalam Sejarah Malaysia) bagi pengijazahan Sarjana Muda Sastera Di dalam Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.

Sidang 1988/89

## KANDUNGAN

PENGHARGAAN	1
BAB 1 - PENGENALAN	1
BAB 2 - KEWUJUDAN KOPERASI DALAM MASYARAKAT TANI	3
BAB 3 - PERANAN "INFORMAL LENDERS" SEBELUM WUJUDNYA KOPERASI	12
BAB 4 - PERSAINGAN KOPERASI DENGAN "INFORMAL LENDERS"	26
BAB 5 - KESIMPULAN	40
BIBLIOGRAFI	52
LAMPIRAN	57

PENGHARGAAN

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Cheah Boon Kheng yang telah banyak memberikan saya tunjukajar, pengukuhan dan sokongan yang amat membantu di dalam menyediakan kajian ini.

Di samping itu, saya juga hendak mengucapkan ribuan terima kasih kepada Profesor Madya Dr. R. Suntharalingam yang rela memberikan nasihat dan tunjukajar yang berguna dalam kajian ini.

Akhirnya, terima kasih juga diucapkan kepada semua Pengarah dan kakitangan Arkid Negara, Cawangan Pulau Pinang dan Alor Setar, yang telah mengizinkan saya menggunakan kemudahan-kemudahan yang terdapat di dalam arkid-arkid tersebut.

## BAB 1 PENGENALAN

Sejarah sosio-ekonomi petani merupakan satu bidang yang tidak mendapat perhatian yang sepenuhnya jika dibandingkan dengan sejarah politik. Ini adalah satu perkara yang menyedihkan, kerana sebenarnya mereka ini merupakan satu golongan yang terbesar dan sama-sama memberikan sumbangan kepada pembangunan negara.

Memandang kepada kekurangan penekanan terhadap sejarah sosio-ekonomi petani maka dalam mini-tesis ini saya akan mengkaji masalah yang dihadapi oleh masyarakat tani di negeri Kedah pada tahun 1952 - 1963. Masalah yang diberi penekanan ialah tentang soal pinjam-meminjam yang memkongkong kehidupan mereka. Ini adalah akibat dari kekurangan modal untuk menjalankan kegiatan pertanian dan membiayai kehidupan harian mereka. Oleh itu pinjaman perlu dilakukan demi untuk tujuan-tujuan tersebut.

Sebelum Merdeka, institusi kewangan formal seperti Bank hanya beroperasi di kawasan bandar-bandar besar sahaja. Oleh itu penduduk-penduduk di kawasan luar bandar seperti petani-petani tidak dapat kemudahan kredit dari Bank. Lantaran itu mereka telah mengalihkan perhatian mereka kepada peminjam yang "informal" seperti Ghetti, Pekedai Runcit dan Kedai Gadai untuk mendapat pinjaman.

R.J.W. Wells menamakan mereka ini sebagai "informal lenders".

"Informal lender" ini selalunya dicap sebagai golongan yang mengeksploitaskan masyarakat tani, dan lebih dasyat lagi ialah "eksploitasi antara kaum". Sejauh manakah tuduhan ini berasas ?

Dalam kajian ini, saya lebih menumpukan perhatian ke atas pekedai runcit dan hubungannya dengan masyarakat tani. Ini adalah kerana pekedai runcit ini merupakan golongan yang mengadakan hubungan yang rapat dengan masyarakat tani jika dibandingkan dengan Cheti dan Kedai gadai. Hubungan pinjam-meminjam antara petani dengan pekedai runcit ini telah mengwujudkan satu sistem yang dipanggil "Padi Kuncha".

Kajian tentang sistem ini adalah terhad. Misalnya Ho Nai Kin dalam tulisannya, Implementation and Supervision Problem of Institutional Padi Production Credit in MADA's Farmers Association ada menyentuh tentang sistem ini. Tetapi hanya menyentuh sepintas lalu sahaja. Persoalan-persoalan penting seperti mengapa wujudnya sistem ini ? Mengapa petani sanggup terikat dalam sistem ini, walau pun mereka tahu bahawa kadar bunga yang dikenalkan ke atas mereka adalah tinggi ? Persoalan-persoalan ini masih belum dijelaskan. Dalam kajian ini, saya harap dapat menjelaskan persoalan-persoalan ini.

Dalam kajian ini, saya akan menekankan tentang peranan yang dimainkan oleh Syarikat Kerjasama atau Koperasi dalam cubaan menghapuskan "Padi Kuncha". Iaitu melalui co-operative. Kerajaan harap dapat memainkan peranan seperti institusi kewangan yakni memberikan pinjaman kepada petani dengan kadar bunga yang berpatutan. Jenis co-operative yang diberi tanggungjawab ini ialah Rural Credit Co-operative Society (RCCS). Sejauh manakah usaha-usaha yang dilakukan oleh co-operative itu dapat meninggikan taraf hidup masyarakat tani, terutamanya membebaskan petani dari sistem "Padi Kuncha". Ini merupakan satu persoalan yang menarik.